



## PERUTUSAN

**YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

### SEMPENA

**HARI AIDS SEDUNIA 2017  
01 DISEMBER 2017**

1. Hari ini, 1 Disember 2017, seluruh dunia menyambut Hari AIDS Sedunia dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai jangkitan HIV/AIDS dan langkah-langkah pencegahan serta rawatan ke arah mengakhiri HIV/AIDS pada tahun 2030. Di masa sama memperbaharukan komitmen dan tekad untuk mempergiatkan usaha dalam menangani jangkitan HIV/AIDS. Bagi tahun ini, Malaysia menyambut Hari AIDS Sedunia dengan tema “**Kesihatan Hak Anda. Manfaatkan Rawatan, Akhiri AIDS**”.
2. Epidemik HIV/AIDS global telah menunjukkan kemajuan yang amat baik sejak ia mula dikesan tiga (3) dekad yang lalu. Pada tahun 2016, bilangan jangkitan HIV baru di seluruh dunia telah menunjukkan penurunan sebanyak 58% berbanding sepuluh tahun lalu. Kematian akibat AIDS di seluruh dunia juga telah menunjukkan penurunan sebanyak 66% dalam tempoh sama.
3. Di Malaysia, epidemik HIV/AIDS memperlihatkan senario menyerupai epidemik global. Bilangan kes baru HIV telah menunjukkan penurunan sebanyak 42% iaitu dari 5,830 kes pada tahun 2006 kepada 3,397 kes pada tahun 2016. Kematian akibat AIDS pula mencatatkan penurunan sebanyak 31% dengan 911 kes kematian pada 2016 berbanding 1,321 pada tahun 2006. Bagi tahun 2017, sehingga September 2017, sebanyak 3,014 kes baru HIV telah dinotifikasikan. Sehingga akhir September 2017, terdapat seramai 95,470 orang hidup dengan HIV dilaporkan di negara ini.

4. Malaysia sedang mengorak langkah dalam merealisasikan misi ke arah mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) menjelang 2030 yang berasaskan pencapaian 2010 di mana komitmen untuk mengurangkan kes baru HIV sebanyak 90%.
5. Uji dan rawat (*Test and Treat*) merupakan strategi atau intervensi utama dalam pencegahan HIV/AIDS sejak tahun 1990 akan terus diperkukuhkan dan diperluaskan. Bagi mempermudah dan menggalakkan lebih ramai populasi utama tampil menjalani ujian saringan HIV, program saringan HIV dalam komuniti telah dilaksanakan dengan kerjasama Majlis AIDS Malaysia dan Ahli-Ahli Gabungan. Selain itu, program NSEP-NGO (*Needle & Syringe Exchange Program – Non Government Organisation*) Model KK di Klinik Kesihatan juga telah diperkenalkan dan diperluaskan ke 12 klinik kesihatan bagi memantapkan perkhidmatan pengurangan mudarat.
6. Program pencegahan transmisi vertikal yang menunjukkan pencapaian yang membanggakan dijangka akan dapat membawa Malaysia mencapai pensijilan eliminasi transmisi vertikal pada tahun 2018.
7. Kerajaan telah melaksanakan pemberian rawatan antiretroviral (ARV) sejak 1990an. Sebagai mana umum sedia maklum, sehingga kini masih belum ada ubat yang dapat menyembuhkan jangkitan HIV/AIDS ini ataupun vaksin yang boleh melindungi diri daripada jangkitan. Ubat ARV sedia ada yang diambil awal dan secara berterusan serta berjadual akan dapat mengurangkan replikasi virus HIV dalam tubuh dan seterusnya mengelakkan kemusnahan kepada sistem pertahanan badan. Ini akan dapat membantu mereka yang hidup dengan HIV/AIDS menjalani dan menikmati kehidupan seperti orang sihat tanpa HIV/AIDS. Pemberian rawatan ARV ini juga terbukti telah berjaya mengurangkan kematian berkaitan HIV/AIDS selain dapat mengurangkan transmisi jangkitan HIV secara seksual sebanyak 97%.
8. Kerajaan pada dasarnya akan terus menerajui kepimpinan dan memberikan komitmen dalam menangani HIV/AIDS. Selaras dengan dasar tersebut, Kerajaan akan terus menjadi penyumbang dana terbesar dalam membiayai pelaksanaan program pencegahan dan kawalan HIV/AIDS.

9. Bersempena sambutan Hari AIDS Sedunia pada tahun ini dan selaras dengan tema sambutan - "**Kesihatan Hak Anda. Manfaatkan Rawatan, Akhiri AIDS**", saya menyeru agar masyarakat dan individu khususnya populasi utama (*key population*) dan orang yang hidup dengan HIV bersama memainkan peranan masing-masing dalam membendung HIV/AIDS. Aplikasikanlah pengetahuan berkaitan HIV/AIDS, gunakan hak anda dan manfaat rawatan yang telah disediakan secara percuma oleh Kerajaan dengan mendapatkan rawatan awal, patuh kepada rawatan dan mengamalkan tingkah laku yang selamat serta gaya hidup sihat demi kesejahteraan diri dan keluarga. Saya juga menyeru agar orang ramai terutamanya kalangan populasi utama agar terus tampil beramai-ramai untuk menjalani ujian saringan HIV dan mengetahui status HIV mereka bagi membolehkan rawatan awal dapat diberikan.
  
10. Adalah menjadi harapan saya, agar kerjasama dan komitmen pelbagai agensi Kerajaan, bukan kerajaan, swasta, badan korporat, masyarakat dan individu dapat terus dipertingkatkan. Saya percaya dan amat yakin dengan kepimpinan, komitmen dan kerjasama pelbagai pihak dan peranan masyarakat dan individu, Malaysia mampu untuk membendung jangkitan HIV/AIDS dan seterusnya mengakhiri epidemik tersebut menjelang akhir 2030.

Sekian, terima kasih

**YB DATUK SERI DR S. SUBRAMANIAM**

Menteri Kesihatan Malaysia

Kementerian Kesihatan Malaysia

01 Disember 2017